

02 AUG 1997

Everest-Sambutan (Bergambar)

30,000 SAMBUT PENDAKI EVEREST DI KELANTAN

PASIR MAS, 2 Ogos (Bernama) -- Pasukan pendaki Malaysia-Everest 97 hari ini diberi sambutan meriah dan besar-besaran sempena lawatan sehari pasukan itu ke Kelantan di sini.

Rombongan seramai 17 orang pendaki itu disambut oleh kira-kira 30,000 orang rakyat negeri ini, bermula dari Dataran Air Muleh seterusnya dibawa mengelilingi bandar ini dan berakhir di Mini Stadium di sini.

Sejurus tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, Kota Baharu pada pukul 9 pagi, pasukan pendaki itu dibawa dengan beberapa buah kereta nasional Perodua Kancil menuju ke bandar ini, kira-kira 25 Kilometer dari bandar Kota Baharu.

Di sini rombongan itu diarak menaiki dua ekor gajah serta 20 ekor kuda dan diiringi seramai 36 pembawa bunga manggar, serta 14 orang masing-masing membawa bendera Malaysia, bendera-bendera negeri dan bendera Rakan Muda.

Yang turut menyambut kedatangan mereka ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Jalil dan Pengerusi jawatankuasa sambutan itu, Datuk Ibrahim Ali, yang juga anggota parlimen Pasir Mas.

Empat pendaki tersebut, iaitu M. Magendran, N. Mohandas, Gary Chong Kim Wah dan Mohamed Fauzan Hassan bagaimanapun tidak hadir kerana mereka menghadiri majlis penghormatan daripada perwakilan MIC di Kuala Lumpur, yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pagi ini.

Keempat-empat pendaki itu akan menyertai rombongan rakan mereka yang lain pada majlis makan malam di sebuah hotel di sini, malam ini.

Shahrizat ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis itu berkata, beliau kagum dengan sambutan rakyat negeri ini terhadap kejayaan pasukan itu yang berjaya menawan gunung tertinggi dunia dua bulan lepas.

Katanya, semangat yang ditunjukkan oleh rakyat negeri ini menunjukkan minat mereka yang begitu mendalam terhadap sukan mendaki.

Ibrahim pula ketika ditemui berkata, rakyat negeri ini juga boleh mencapai kejayaan yang tinggi seperti itu jika mempunyai sikap ingin maju dalam segala lapangan.

"Sambutan yang sebegini hebat adalah pendorong bagi membantu rakyat Kelantan untuk maju seperti rakyat di negeri lain," katanya.

-- BERNAMA

ZI RI